



POLISI ANTIRASUAH

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN

Disediakan oleh:
Unit Integriti
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (*Department of Veterinary Services - DVS*) telah dapat membangunkan Polisi Antirasuah DVS. Pembangunan polisi ini adalah selaras dengan iltizam Jabatan ini untuk membanteras sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi.

DVS sentiasa menekankan supaya usaha pembanterasan rasuah dilaksanakan secara berterusan dengan penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan ekosistem integriti di Jabatan ini terus berkembang. Jabatan ini tidak akan bertolak ansur atau berkompromi terhadap apa jua bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan bagi memastikan tanggungjawab DVS dapat dilaksanakan dengan penuh integriti.

Justeru, Polisi Antirasuah DVS ini dibangunkan bagi memberi garis panduan yang jelas kepada semua warga Jabatan dalam mengenal pasti, membanteras dan melaporkan sebarang perlakuan rasuah. Polisi ini juga menegaskan komitmen Jabatan dalam mewujudkan persekitaran kerja yang bebas daripada sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Saya menyeru agar Polisi Antirasuah DVS ini dapat dipatuhi, dihayati dan menjadi rujukan oleh semua warga DVS dalam usaha untuk membanteras rasuah selaras dengan agenda nasional. Melalui usaha ini, adalah diharapkan agar budaya integriti di Jabatan ini dapat terus diperkukuh dan DVS menjadi peneraju ketelusan serta akauntabiliti dalam sektor awam.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. Pendahuluan	1
2. Tujuan	1
3. Pemakaian	2
4. Takrifan	2
5. Pernyataan Dasar	3
6. Perlakuan Berunsur dan Berpotensi Rasuah	5
7. Kesalahan-Kesalahan Rasuah	6
8. Undang-Undang dan Peraturan Lain Yang Berkuat Kuasa	10
9. Peranan dan Tindakan Warga DVS	11
10. Perlindungan Pemberi Maklumat	12
11. Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam	12
12. Pematuhan	13
13. Pertanyaan dan Pelaporan	13
14. Penutup	14
15. Tarikh Kuat Kuasa	15
16. Rujukan	16

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 yang telah dilancarkan pada 7 Mei 2024 merupakan komponen penting agenda reformasi Malaysia yang menyatakan strategi-strategi teras secara menyeluruh dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia. NACS telah menggariskan penyebab utama amalan rasuah wujud di Malaysia iaitu kegagalan pentadbiran, lemahnya kawalan dalaman, tidak mematuhi peraturan, konflik kepentingan, kelemahan agensi penguat kuasa undang-undang dan langkah-langkah pencegahan rasuah yang tidak memadai.
- 1.2 Justeru, Polisi Antirasuah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (*Department of Veterinary Services* - DVS) dibangunkan sebagai dokumen kawalan dalaman Jabatan yang menggariskan dasar Jabatan untuk tidak bertolak ansur atau berkompromi terhadap apa jua bentuk perlakuan rasuah. Polisi Antirasuah DVS ini juga merupakan dokumen panduan kepada warga DVS untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ketika menjalankan tugas yang seterusnya dapat menambah baik aspek tadbir urus Jabatan.

2. TUJUAN

Polisi Antirasuah DVS diwujudkan bertujuan:

- 2.1 Sebagai dokumen antirasuah yang menetapkan dasar dan komitmen Jabatan untuk membanteras rasuah serta tidak bertolak ansur atau berkompromi terhadap apa jua bentuk perlakuan rasuah;
- 2.2 Bagi menyokong strategi-strategi pembanteras rasuah yang diwujudkan di bawah Pelan Strategi Antirasuah dan Integriti Veterinar (STRIVE); dan
- 2.3 Untuk menjadi sumber rujukan kepada warga DVS mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan rasuah dan pencegahan rasuah.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga DVS. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, syarikat, rakan niaga, individu atau organisasi yang berurusan dengan DVS.

4. TAKRIFAN

Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Suapan

Merujuk kepada tafsiran “suapan” di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 seperti berikut:

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk

perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan

- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

Warga DVS

Merujuk kepada pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di DVS sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

5. PERNYATAAN DASAR

- 5.1 DVS mengamalkan dasar "*Toleransi Sifar*" terhadap rasuah dan segala aktiviti yang berunsurkan rasuah dalam pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatannya. Bagi maksud ini, DVS tidak akan bertolak ansur atau berkompromi terhadap apa jua bentuk perlakuan rasuah.
- 5.2 DVS komited untuk membanteras apa jua bentuk perlakuan rasuah serta akan bertindak tegas dan tidak akan melindungi mana-mana warga Jabatan yang terlibat dengan rasuah.
- 5.3 Semua warga DVS perlu dalam setiap masa mengelakkan diri daripada terlibat dengan sebarang bentuk rasuah. Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, DVS memberikan penekanan kepada lima (5) terma rujukan seperti berikut:

i. **Dasar, Perundangan dan Peraturan**

- a. Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuat kuasa.
- b. Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan tadbir urus dan pelanggaran integriti.

ii. **Sistem dan Prosedur Kerja**

Mengenal pasti, mengkaji dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, termasuk melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif STRIVE.

iii. **Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti**

Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkukuhkan tadbir urus dalam penyampaian perkhidmatan.

iv. **Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan**

- a. Memperkasa dan menyebarkan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- b. Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.
- c. Memberi kerjasama atau melaporkan kepada agensi penguatkuasa mengenai sebarang bentuk kesalahan atau jenayah, khususnya perlakuan rasuah.

v. **Pengiktirafan dan Penghargaan**

Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga DVS yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang, berintegriti dan menunjukkan nilai-nilai murni serta melaporkan kes-kes rasuah, penyelewengan dan salah laku dalam Jabatan.

6. PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah adalah seperti berikut:

Transactive

Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (situasi menang-menang)

Extortive

Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan

Defensive

Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan

Investive

Bayaran untuk menjamin balasan atau habuan pada masa hadapan

Nepotisme

Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi, saudara atau sekutu

Autogenic

Perlakuan rasuah yang telah menjadi satu amalan dan budaya dalam organisasi

Supportive

Penempatan proksi atau kroni di tempat strategik dalam organisasi

7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009 dan Kanun Keseksaan [Akta 574], termasuklah seperti yang berikut:

7.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009

- i. Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain secara rasuah meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi; atau
- ii. Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi.

7.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17 Akta SPRM 2009

- i. Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetuju terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana

memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau

- ii. Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

7.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya prinsipal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

7.4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21 Akta SPRM 2009

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu

tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

7.5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

7.6 Hukuman di bawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009

- i. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta SPRM 2009, apabila disabitkan boleh:
 - a. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
 - b. didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- ii. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009, apabila disabitkan boleh:
 - a. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
 - b. didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

7.7 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009

- i. Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan

suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.

- ii. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
 - a. didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
 - b. dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- iii. Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.
- iv. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
 - a. didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
 - b. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

7.8 Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan

Mana-mana pegawai awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak

mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

7.9 Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan

Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA

Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti yang berikut:

- 8.1 “Kesalahan ditetapkan” di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 ertinya:
- i. Mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta SPRM 2009;
 - ii. Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];
 - iii. Kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*];

- iv. Sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (i) hingga (iii); atau
- v. Sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah itu ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (i) hingga (iii), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

8.2 Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

8.3 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993.

8.4 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.7.4.3: Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti.

9. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA DVS

9.1 Dalam usaha untuk membanteras rasuah dan mewujudkan persekitaran kerja yang bebas daripada sebarang bentuk rasuah, warga DVS hendaklah mengambil tindakan seperti yang berikut:

➤ **JANGAN MINTA**

Warga DVS **DILARANG** meminta atau menerima apa-apa bentuk rasuah.

➤ **TOLAK**

Warga DVS hendaklah **MENOLAK** apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

➤ LAPOR

Warga DVS hendaklah dengan **SEGERA MELAPORKAN** apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan, Unit Integriti, SPRM atau Polis Diraja Malaysia.

9.2 Warga DVS boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- i. Siapakah (*who*) yang terlibat?
- ii. Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
- iii. Dimanakah (*where*) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?
- vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

10. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Selaras dengan Seksyen 65 Akta SPRM 2009, apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh seseorang pegawai SPRM, maklumat dalam aduan itu dan identiti pemberi maklumat hendaklah menjadi rahsia antara pegawai SPRM dengan pemberi maklumat, dan tidak boleh didedahkan atau diperintahkan, atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

11. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri atau ganjaran wang boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011 berkaitan Pengiktirafan Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian

Atau Penerimaan Rasuah.

12. PEMATUHAN

- 12.1 Polisi Antirasuah DVS ini hendaklah dipatuhi oleh semua warga DVS.
- 12.2 Kegagalan atau keengganan warga DVS mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 12.3 Polisi Antirasuah DVS ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang, peraturan, pekeliling, garis panduan dan arahan berkaitan yang berkuat kuasa.

13. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan berhubung pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Blok Podium, Lot 4G1
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Unit Integriti)

Alamat e-mel: integriti@dvs.gov.my Telefon: 03-8870 1264 / 1217

14. PENUTUP

Polisi Antirasuah DVS menetapkan dasar dalam membendung sebarang bentuk rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam Jabatan. Dengan mengamalkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan kepatuhan kepada undang-undang, DVS bertekad untuk mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, berintegriti dan bebas daripada rasuah demi kepentingan organisasi, masyarakat dan negara.



**PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**.....
ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR (INTEGRITI)
BIL. 2 TAHUN 2025
.....**

**POLISI ANTIRASUAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

Polisi ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam membanteras, mengurus dan menangani sebarang bentuk perlakuan rasuah semasa melaksanakan tugas rasmi.

2. Melalui Polisi ini, setiap warga Jabatan diharapkan dapat menjalankan tanggungjawab secara profesional, telus dan berintegriti bagi memastikan amalan rasuah tidak berlaku dalam organisasi. Pelaksanaan polisi ini akan dapat mewujudkan budaya kerja yang berasaskan ketelusan dan akauntabiliti, seterusnya memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap keupayaan Jabatan dalam memberikan perkhidmatan yang cekap, berintegriti dan bebas rasuah.

3. Polisi Antirasuah Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini berkuat kuasa mulai dari tarikh polisi ini dikeluarkan.

Bertarikh: 25 November 2025

(DATUK DR. MOHD NOOR HISHAM BIN MOHD HARON)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*].
2. Kanun Keseksaan [*Akta 574*]
3. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U. (A) 395/1993*].
4. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Ceraian UP.7.4.3 Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti.
5. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara: Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011.
6. Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028.